

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
(POKOK SENA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.06.2015**

**Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [ POKOK SENA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab Bahagian Pinjaman Perumahan masih menggunakan kaedah Bai Bithaman Ajil dalam skim pembiayaan perumahan kakitangan awam sedangkan pihak Bank Negara Malaysia telah menetapkan polisi supaya bank-bank komersial menghentikan penggunaan produk ini dalam skim pembiayaan perumahan semenjak Januari 2015.

**JAWAPAN**

“Bai Bithaman Ajil” (BBA) bermaksud jualan dengan harga tangguh atau

jualan dengan bayaran ansuran. Produk BBA ini distruktur berdasarkan kontrak Bai' Inah dan dilihat tidak mempunyai sebarang masalah untuk diaplikasikan dalam skim pembiayaan perumahan Kerajaan selagi mana ianya mematuhi Syariah serta perundangan pengawalseliaan yang telah ditetapkan.

Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengeluarkan satu pekeliling bertujuan untuk menjelaskan keperluan urus niaga Bai' Inah (termasuk bagi produk BBA) yang dijalankan oleh bank-bank komersil supaya ianya mematuhi kehendak Syariah. Walau bagaimanapun, tiada sebarang arahan/ polisi yang diberikan kepada bank-bank komersil oleh BNM untuk memberhentikan penggunaan produk BBA dalam skim pembiayaan perumahan.

Bahagian Pinjaman Perumahan bercadang untuk meneruskan kaedah BBA sedia ada dalam skim pembiayaan perumahan Kerajaan. Walau bagaimanapun, kajian penambahbaikan ke atas produk berkenaan akan dilakukan apabila BPP dilembagakan menjadi Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam.